

26 JUN 2000

OIC: ISTERI-ISTERI MENTERI LUAR MENIKMATI MAKANAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Isteri-isteri Menteri Luar yang menghadiri Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) ke-27 berpeluang untuk menikmati kelazatan makanan tempatan ketika mereka melawat pelbagai tempat menarik di ibu negara semasa berada di negara ini.

Antara tempat menarik yang bakal dilawati ialah Taman Orkid di Tasik Perdana, Muzium Kesenian Islam, Kompleks Kraftangan Kuala Lumpur dan Menara KL.

Mereka akan juga mengunjungi mercu tanda yang terkenal di ibu negara, Menara Kembar Petronas sebelum meluangkan masa di pusat membeli-belah KLCC Suria yang terletak di tingkat bawah bangunan tertinggi di dunia itu.

Mereka akan juga mengunjungi Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin, isteri Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Mereka akan mengiringi suami masing-masing pada jamuan malam yang dianjurkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana di Putrajaya.

-- BERNAMA
NZ AKD